

# Cacat Pendengaran dari Aspek Linguistik Klinikal

## *Hearing Impairment in A Clinical Linguistic Aspect*

Siti Noridayu Abd. Nasir<sup>1</sup>, Hazlina Abdul Halim<sup>2</sup>, Ahmad Shuib Yahaya<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia;

<sup>2</sup> Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia;

<sup>3</sup> Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia;

### Progres Artikel

Diterima: 4 Julai 2022

Disemak: 16 Ogos 2022

Diterbit: 30 November 2022

\*Perhubungan Penulis:  
Siti Noridayu Abd. Nasir,  
Fakulti Bahasa Moden dan  
Komunikasi, Universiti Putra  
Malaysia;  
Email:  
noridayu87\_nasir@yahoo.com

**Abstrak:** Cacat pendengaran atau pekak merupakan salah satu masalah dalam kecatatan fizikal yang memerlukan bantuan dalam aspek komunikasi. Lazimnya, individu yang mengalami masalah cacat pendengaran mempunyai penguasaan bahasa yang terhad. Hal ini kerana, masalah dalam pemerolehan bahasa kesan daripada pendengaran yang tidak jelas. Oleh itu, kajian ini bertujuan melihat aspek sebutan perkataan dalam bahasa pertama oleh individu cacat pendengaran. Kemudian, membincangkan aspek sebutan perkataan yang terhasil dengan linguistik klinikal. Selain itu, kajian ini mengaplikasikan Teori Behaviorisme yang dipelopori oleh Jonh Broadus Watson yang melibatkan analisis bagi daptan kajian ini. Responden kajian ini adalah seorang wanita cacat pendengaran yang menggunakan implan koklea bagi bantuan pendengaran. Terdapat sepuluh item makanan dan minuman yang perlu disebut oleh responden bagi melihat sebutan ujaran. Dapatkan kajian ini memperlihatkan responden kajian memerlukan rangsangan untuk mendapat bahasa bagi membetulkan sebutan perkataan. Hal ini kerana, perkataan yang diungkapkan oleh responden hanya mendapat penekanan daripada belakang perkataan sahaja. Manakala, suku kata hadapan perkataan mengalami perubahan dari segi pengguguran, penambahan dan penggantian suku kata serta huruf. Malah, terdapat pengaruh penggunaan dialek utara dalam sebutan perkataan minuman. Oleh yang demikian, masalah dalam sebutan berlaku kerana pendengaran yang tidak jelas dan kurangnya penekanan pada sebutan awalan suku kata perkataan oleh orang sekelilingnya. Adalah diharapkan kajian ini dapat membantu individu cacat pendengaran bagi meningkatkan aspek pemerolehan bahasa pertama mereka.

**Kata kunci:** cacat pendengaran, sebutan, perkataan, linguistik klinikal;

**Abstract:** Hearing impairment or deafness is one of the problems in physical disability that requires assistance in the aspect of communication. Typically, individuals with hearing impairments have limited language proficiency. Problems in language acquisition result from blurred hearing. Therefore, this study aimed to look at aspects of word pronunciation in the language by hearing impaired individuals. Then, discuss aspects of the resulting word pronunciation with clinical linguistics. In addition, this study applies the Theory of Behaviorism pioneered by Jonh Broadus Watson which involves analysis for the findings of this study. The respondent of this study was a hearing impaired woman who used cochlear implants for hearing aids. There are ten items of food and drink that need to be mentioned by the respondents to see the pronunciation of the utterance. The findings of this study show that the respondents of the study need a stimulus to get the language to correct the pronunciation of words. The words expressed by the respondents only get emphasis from the back of the

word only. Meanwhile, the front syllable of the word undergoes changes in terms of abortion, addition and replacement of syllables and letters. In fact, there is an influence of the use of northern dialects in the pronunciation. Thus, problems in pronunciation occur due to blurred hearing and lack of emphasis on the pronunciation of the syllable prefixes of words by those around them. It is hoped that this study can help hearing impaired individuals to improve aspects of their first language acquisition.

**Keywords:** hearing impairment, pronunciation, words, clinical linguistic;

## Pendahuluan

Kecacatan fizikal di Malaysia dikategorikan sebagai Orang Kelainan Upaya (OKU) masalah fizikal. Pengesahan dalam kecacatan fizikal perlu disahkan oleh pengamal perubatan bertauliah daripada hospital kerajaan. Kemudian, individu yang mengalami masalah dalam pendengaran dirujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk mengelurkan kad OKU dalam masalah fizikal. Lazimnya, terdapat dua situasi dalam masalah pendengaran yang berlaku kepada manusia. Terdapat individu yang mengalami masalah kurang pendengaran yang menunjukkan mereka tidak mengalami masalah pendengaran sepenuhnya tetapi masih boleh mendengar jika suara penutur dikuatkan. Manakala, satu masalah lagi adalah cacat pendengaran yang dikenali sebagai pekak menunjukkan mereka tidak dapat mendengar sepenuhnya. Namun begitu, tidak semua individu yang mengalami masalah cacat pendengaran juga bisu. Tetapi ada kes yang mana individu cacat pendengaran mengalami masalah bisu yang dikenali sebagai individu pekak dan bisu.

Oleh yang demikian, dalam aspek perubatan terdapat tiga jenis kecacatan dalam masalah pendengaran yang melibatkan gangguan saraf bunyi '*conductive*', saraf deria '*sensorineural*' dan gabungan '*mixed*' (Cheoh, 2014). Malah, (Cheoh, 2014) menjelaskan lagi masalah gangguan aliran bunyi '*conductive*' berlaku kerana masalah pada bahagian tengah luar telinga dan biasanya memberi kesan yang sama kepada semua jenis gelombang bunyi dan tidak kritikal. Kemudian, Cheoh, (2014) menyatakan juga bahawa masalah saraf deria '*sensorineural*' berlaku pada bahagian saraf *auditory* atau telinga dalam yang menyebabkan bunyi yang diterima berubah kerana gelombang menjadi tidak sama rata walaupun menggunakan alat bantu pendengaran. Seterusnya, Cheoh, (2014) menerangkan lagi gabungan '*mixed*' kombinasi daripada jenis '*conductive*' dan '*sensorineural*' yang mempunyai

empat tahap kehilangan pendegaran, iaitu kurang, sederhana, teruk dan sangat teruk. Istilah 'teruk' bagi masalah pendengaran melibatkan jenis '*mixed*' merujuk kepada pekak atau tuli sepenuhnya.

Walau bagaimanapun, di Malaysia dalam masalah cacat pendengaran hanya dua istilah yang digunakan, iaitu 'kurang pendengaran' dan 'pekak atau tuli'. Antara masalah utama yang dialami oleh individu cacat pendengaran adalah komunikasi. Hal ini kerana, komunikasi adalah agenda utama dalam kehidupan seharian manusia di dunia. Abdul Munir Ismail (2012) menjelaskan bahawa orang pekak mempunyai masalah untuk berkomunikasi atau menerima maklumat daripada individu lain. Impaknya, maklumat penting gagal disampaikan dengan berkesan kepada individu lain kerana penerimaan maklumat yang tidak jelas. Ia melibatkan proses bahasa pertama yang menjadi pemula kepada setiap individu termasuk individu yang mengalami masalah cacat pendengaran.

Oleh yang demikian, masalah penggunaan bahasa dalam komunikasi oleh individu cacat pendengaran juga dikenali sebagai kecacatan dalam bahasa. Abdul Munir Ismail (2012) menjelaskan lagi bahawa orang pekak dan bisu dikatakan mengalami kecacatan bahasa kerana tidak dapat berbahasa lisan dengan baik tetapi tidak semua orang pekak mengalami nasib yang sama kerana terdapat sebahagian dalam kalangan orang pekak boleh berbahasa dengan baik. Walau bagaimanapun, kecacatan bahasa berlaku kerana masalah pendengaran yang membawa kepada kelemahan dalam penyampaian maklumat dalam komunikasi. Masalah kecacatan dalam bahasa berhubung rapat dengan linguistik klinikal dalam aspek pemerolehan serta penguasaan sesuatu bahasa. Linguistik merupakan lapangan bidang yang melihat aspek bahasa dalam sebutan yang melibatkan fonologi manusia. Manakala, klinikal adalah bidang yang merujuk kepada aspek perubatan klinikal yang melibatkan masalah pendengaran dan penghasilan bahasa.

Dua cabang bidang yang digabungkan ini menjadi

atas kepada permasalah melibatkan kecacatan bahasa yang melibatkan individu cacat pendengaran. Menurut Syar Meeze Mohd Rashid (2017), walaupun bahasa isyarat merupakan bahasa utama yang digunakan oleh komuniti pekak tetapi setiap negeri di Malaysia mempunyai dialek bahasa isyarat mereka sendiri. Oleh itu, masalah dialek negeri juga menjadi halangan yang mendorong kepada kecacatan bahasa melibatkan lisan serta tulisan kepada individu cacat pendengaran. Namun begitu, masalah kecacatan bahasa ini begitu ketara berlaku dalam lisan individu cacat pendengaran.

## Sorotan Literatur

Kajian lepas dibahagikan kepada empat aspek yang menjadi inti utama dalam kajian ini. Ia dilihat dari segi objektif kajian, metodologi kajian, item kajian dan dapatan kajian. Antara empat aspek kajian lepas yang dibincangkan dalam sorotan literatur adalah individu cacat pendengaran atau pekak, kecacatan lisan dalam komunikasi manusia, Teori Behaviorisme yang dipelopori oleh John roadus Watson (1878-1958) dan linguistik klinikal. Setiap satu aspek meneliti hasil kajian lepas yang melibatkan kajian dalam dan luar negara.

### Cacat pendengaran/ pekak atau tuli

Izuli Dzulkifli et al., (2020) menjalankan kajian tentang cabaran dalam komunikasi pengajaran Pendidikan Islam kepada murid cacat pendengaran. Kajian ini dijalankan dengan tujuan menjelaskan kaedah komunikasi yang digunakan oleh guru bersama pelajar cacat pendengaran dan cabaran dalam komunikasi semasa pelajaran Pendidikan Islam. Data diperoleh melalui temu bual dan analisis dokumen. Hasil dapatan kajian menunjukkan ketidakselarasan dalam komunikasi mata pelajaran Pendidikan Islam. Ia melibatkan kekurangan kod atau tanda yang betul dan kurangnya kemahiran dalam menggunakan tanda baca yang menyebabkan berlakunya ketidakselarasan dalam komunikasi antara guru dan murid cacat pendengaran. Muhammad Sayuti Sabdan et al., (2018) menjalankan kajian tentang kaedah andragogi pendidikan Al-Quran untuk golongan pekak dewasa. Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti keperluan cara andragogi al-Quran untuk golongan pekak dewasa. Bagi mendapatkan data kaedah temu bual dilakukan kepada empat orang guru pendidikan Al-Quran yang mengajar dewasa yang mengalami masalah pendengaran. Dapatan kajian menunjukkan terdapat empat kaedah yang digunakan dalam

pendidikan Al-Quran, iaitu kaedah verbal, fakih, mentransliterasikan huruf Arab ke rumi dan kaedah isyarat Arab. Nik Hassan Seman et al., (2016) menjalankan kajian tentang masalah pelajar cacat pendengaran dalam pembelajaran mata pelajaran pendidikan Islam di Malaysia. Kajian ini dijalankan bertujuan melihat permasalahan yang berlaku dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam kepada pelajar cacat pendengaran yang berada di Sekolah Menengah Khas. Kemudian, responden kajian ini melibatkan lima orang guru Pendidikan Islam, tiga orang bekas pelajar cacat pendengaran dan dua orang pakar cacat pendengaran. Dapatan kajian memperlihatkan pelajar cacat pendengaran mengalami masalah dalam kemahiran berbahasa. Masalah bahasa berlaku kerana kurangnya amalan membaca. Malah, pelajar cacat pendengaran sukar memahami sesuatu konsep yang disampaikan guru, ingatan jangka masa pendek, guru yang kurang mahir dalam penggunaan bahasa isyarat, buku teks yang tidak sesuai dan kod tangan yang terhad.

### Kecacatan lisan dalam komunikasi manusia

Caroline et al., (2021) menjalankan kajian tentang penyertaan langsung individu yang mengalami masalah kecacatan komunikasi dalam penyelidikan berkaitan kemiskinan pada peringkat rendah dan sederhana. Hasil kajian memperlihatkan berlakunya perjalanan yang kurang sistematik dalam penyelidikan tentang kemiskinan dan hilang upaya yang memberikan kesan besar bagi perancangan program masa hadapan. Ia menjelaskan ketersediaan dan penyediaan perkhidmatan serta sumber bagi penduduk setempat. Oleh itu, berlakunya kegagalan dalam penyediaan peluang yang baik untuk penyertaan dalam penyelidikan bagi mereka dalam golongan cacat komunikasi dalam usaha membasmikan kemiskinan global. Abdullah bin Yusoff & Che Rabiah Mohamed (2014) menjalankan kajian berkaitan masalah pembelajaran dalam komunikasi lisan murid berkeperluan khas. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti prevalen murid bermasalah pelajaran yang mengalami kecacatan dalam komunikasi lisan. Ia dijalankan dengan tujuan mengenal pasti simptom umum dan spesifik dalam kecacatan komunikasi lisan murid berkeperluan khas. Sampel kajian seramai 1125 orang daripada 56 buah sekolah yang menawarkan program pendidikan khas menjadi responden kajian. Hasil dapatan kajian menunjukkan enam peratus murid mengalami kecacatan dalam komunikasi lisan. Antara simptom yang dialami adalah lambat bercakap

yang berkaitan dengan kecacatan komunikasi lisan murid. Isla et al., (2013) menjalankan kajian tentang kecacatan komunikasi di Uganda dengan melihat laporan dunia tentang ketidakupayaan. Kajian ini bertujuan melihat pengalaman dalam penyelidikan di Uganda tentang kecacatan komunikasi yang merujuk kepada pandangan dunia. Malah, bertujuan melihat manfaat dan cabaran untuk melibatkan orang kurang upaya (kecacatan komunikasi). Dapatan kajian mendapati perlunya ada kerjasama antara pihak berwajib, komuniti dan keluarga dalam membantu orang kurang upaya yang mengalami masalah dalam kecacatan komunikasi.

#### *Teori Behaviorisme Jonh Broadus Watson*

Siti Maghfirah & Maemonah (2019) menjalankan kajian tentang pemikiran behaviorisme dalam pendidikan. Kajian dijalankan bertujuan mengetahui dan memahami bagaimana teori perkembangan behaviorisme diaplikasikan dalam pembelajaran kanak-kanak. Dapatan dalam kajian ini memperlihatkan perkembangan belajar melalui teori behaviorisme mempunyai proses paling besar, iaitu sikap, etika, tingkah laku dan kebiasaan dalam kehidupan. Sikap manusia mempengaruhi peranan reaksi, stimulus-respon dan hasil serta potensi belajar pada kanak-kanak. Malone (2017) melaksanakan penyelidikan tentang teori behaviorisme John Broadus Watson. Kajian ilmiah ini membincangkan tentang latar belakang kehidupan tokoh behaviorisme, iaitu John Broadus Watson. Dalam kajian ini penulis membincangkan tentang teori behaviorisme yang dipelopori oleh John Broadus Watson dengan mengemukakan pendapat beliau tentang aspek behaviorisme dalam proses belajar bahasa. Dalam teori behaviorisme Jonh Broadus Watson, beliau berpendapat bahawa tidak ada sesiapa pun mahu hasil kerja mereka tidak dipandang kerana setiap manusia memerlukan pujian sebagai pendorong dalam tanggungjawab yang digalas. Malah, dalam penulisan ini juga membincangkan tentang aspek psikoanalisis dan psikopatologi dalam teori behaviorisme John Broadus Watson. Lailiy Muthmainnah (2017) menjalankan kajian berkaitan masalah yang melibatkan psikologi tingkah laku (behaviorisme). Kajian ini dijalankan bertujuan melihat dasar dalam psikologi melibatkan aspek tingkah laku (behaviorisme). Antaranya adalah metodologi dalam behaviorisme yang bersifat luar ke dalam yang menyebabkan fokus penyelidikan dalam psikologi pada tingkah laku bukan pada pemikiran dalam. Tujuan daripada aspek psikologi adalah tentang

tingkah laku manusia. Kemudian, merujuk kepada tubuh badan manusia yang secara kualitatifnya tidak jauh berbeza dengan haiwan, di mana manusia hanya bersifat lebih kompleks sahaja. Oleh itu, tidak terdapat banyak perbezaan antara manusia dan haiwan.

#### *Linguistik Klinikal*

Sunny et al., (2021) menjalankan kajian tentang kaedah pemprosesan bahasa secara semulajadi yang sensitif kepada subklinikal linguistik yang berbeza dalam gangguan Skizofrenia. Tujuan kajian ini dijalankan untuk melihat kaedah dan ciri perubahan dalam pertuturan yang dibandingkan dengan responden dalam kawalan penyelidikan. Ia juga bagi melihat tiga peringkat dalam perkataan individu, bahagian pertuturan dan peringkat koheren ayat. Malah, ciri *Neuro Linguistic Programming* (NLP) ini dibandingkan dengan standard emas klinikal dengan penilaian pemikiran dalam bahasa dan komunikasi. Dapatan kajian memperlihatkan penghidap Skizofrenia banyak menggunakan kata ganti seperti kata keterangan, kata adjektif dan kata penentu. Analisis menunjukkan penggunaan perkataan paling ketara dengan penggunaan kata ganti nama tunggal orang pertama dan kata majmuk orang pertama. Sampel kajian juga mempunyai gangguan pertuturan yang rendah dalam bahasa. Joseph et al., (2016) menjalankan kajian tentang pengesahan awal dalam demensia untuk menggabungkan data klinikal linguistik dan bukan linguistik. Kajian ini memfokuskan kepada masalah demensia yang meningkat dalam kalangan manusia yang meningkat usia. Ia berlaku kerana kekurangan rawatan kerana kos penjagaan yang mahal. Dapatan kajian ini menunjukkan pengesahan awal penting bagi mengurangkan risiko gejala demensia dengan mengenal pasti diagnostic penanda aras yang dilakukan berpandukan rekod klinikal. Oleh yang demikian, keputusan kajian menyokong potensi dalam rekod linguistic untuk meramal status demensia dengan kehadiran bagi melengkapi data bukan linguistik yang berstruktur dan sepadan. Lucy et al., (2016) menjalankan kajian tentang analisis linguistik yang melibatkan wacana melibatkan kes *aphasia* dalam kajian lepas. Tujuan kajian ini untuk mengaplikasikan analisis wacana linguistik bagi menilai penghidap *aphasia* dengan mengenal pasti 165 kajian lepas sebagai sampel kajian. Ia bagi mendedahkan peningkatan dalam penyelidikan yang diterbitkan menggunakan analisis wacana linguistik bagi mengukur generalisasi hasil terapi dalam bahasa

yang digunakan. Dapatan kajian memperlihatkan sampel bahasa naratif paling kerap ditemui. Malah, sebanyak 536 langkah dalam linguistik yang berbeza digunakan untuk mengkaji tingkah laku bahasa. Oleh itu, perkembangan dalam penggunaan penyelidikan analisis wacana linguistik dan cadangan digambarkan dalam amalan kritikal yang memerlukan penyelidikan selanjutnya.

#### *Amalan Terbaik untuk Penghidap Cacat Pendengaran di Negara Lain*

Yasmeen et al., (2020) menjalankan kajian berkaitan kesan gangguan pendengaran terhadap tekanan psikologi individu berusia. Kajian memfokuskan kepada kesan gangguan dalam psikologi dan kesejahteraan kepada individu berusia yang mengalami masalah gangguan pendengaran. Dapatan kajian memperlihatkan kesan gangguan psikologi mengganggu kesejahteraan dalam kehidupan individu berusia yang mengalami masalah gangguan pendengaran. Oleh yang demikian, diagnosis awal terhadap individu yang mengalami masalah gangguan pendengaran dapat membantu mengurangkan kesan kepada tekanan psikologi. Ohlenforst et al., (2017) menjalankan kajian tentang kesan gangguan pendengaran dan alat pendengaran yang dikuatkan dalam usaha meningkatkan pendengaran. Kajian dijalankan dengan tujuan melihat kesan pendengaran apabila alat bantu pendengaran dikuatkan untuk membantu pendengaran. Dapatan kajian memperlihatkan melalui pengkurian fisiologi bahawa gangguan pendengaran yang berlaku meningkatkan usaha untuk mendengar apabila bertutur. Malah, melalui kajian menunjukkan penggunaan alat bantu pendengaran tidak berfungsi untuk mengurangkan usaha dalam mendengar sesuatu. Venessa et al., (2016) menjalankan kajian berkaitan domain tentang kesan kehilangan pendengaran yang dilaporkan oleh orang yang berkomunikasi dengan penghidap. Tujuan kajian dijalankan bagi melihat kesan dalam komunikasi kepada individu yang mengalami masalah hilang pendengaran. Hasil kajian tentang kesan komunikasi orang dewasa yang kehilangan pendengaran berfungsi untuk memilih langkah terbaik dalam rawatan kepada individu cacat pendengaran.

## **Metodologi**

Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif yang merujuk kepada bahan ilmiah bertulis. Antaranya adalah buku akademik berkaitan kajian, artikel dalam jurnal, kertas seminar persidangan akademik dan

penulisan artikel ilmiah. Rujukan ilmiah melibatkan artikel akademik dari dalam dan luar negara yang mempunyai keesahan bagi melengkapkan kajian ini. Malah, kajian ini merupakan penyelidikan lapangan yang melibatkan seorang peserta kajian yang dianalisis sampel secara mendalam. Oleh itu, kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Temu bual dijalankan kepada peserta kajian melalui perkataan yang pernah digunakan serta dipelajari semasa bekerja di gerai makanan sebagai pembantu kedai. Temu bual dilaksanakan kerana peserta kajian boleh mengujarkan perkataan secara verbal walaupun mengalami masalah pendengaran, iaitu pekak.

Responden kajian ini adalah seorang individu cacat pendengaran yang memegang kad Orang Kelainan Upaya (OKU) masalah pendengaran yang berusia 35 tahun. Oleh itu, kajian ini merupakan kajian kes yang dijalankan kepada seorang peserta kajian cacat pendengaran. Malah, peserta kajian ini adalah individu cacat pendengaran yang mengalami masalah pekak sejak dilahirkan lagi atau secara semula jadi. Selain itu, peserta kajian ini merupakan individu cacat pendengaran yang dikategorikan pada tahap pekak yang boleh menggunakan implan koklea bagi membantu pendengarannya. Lokasi kajian adalah di negeri Perlis yang merupakan tempat kelahiran dan tempat tinggal responden kajian. Item kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah gambar minuman dan makanan yang dikenali oleh responden. Oleh itu, lima jenis minuman dan lima jenis masakan makanan gerai disediakan dalam bentuk visual. Ia bagi menguji sebutan yang diungkapkan oleh responden. Hal ini kerana latar belakang responden yang pernah bekerja di kedai makan dan biasa mengenali jenis makanan dan minuman.

Bagi melengkapkan analisis data yang dihunkgan dengan aspek linguistik klinikal maka teori behaviorisme telah diaplikasikan dalam kajian ini. Teori behaviorisme yang diaplikasikan ini berdasarkan pendapat teori yang dipelopori oleh John Broadus Watson (1878-1958). Dalam teori ini John Broadus Watson telah menjalankan kajian amali terhadap monyet dan tikus. Malah, John Broadus Watson merupakan individu pertama yang memperkenalkan istilah behaviorisme yang dikaitkan dengan tingkah laku manusia. Selain itu, kajian oleh Jonh Broadus Watson banyak dipengaruhi oleh Teori Pelaziman Klasik Pavlov dalam aspek behaviorisme. Selain itu, John Broadus Watson juga mengkaji tentang tingkah laku haiwan berdasarkan behaviorisme. John Broadus Watson berpendapat bahawa dalam diri manusia bukan sahaja nafri tetapi

stimulus dan respon menjadi tunjang utama dalam pembentukan tingkah laku manusia.

Selanjutnya, dalam kajian ini tingkah laku peserta kajian yang mengalami masalah cacat pendengaran diperhatikan ketika menggunakan bahasa. Malah, ungkapan kosa kata yang dizahirkan oleh peserta kajian melalui naluri manusia yang telah mengetahui dan menggunakan bahasa tersebut dalam kehidupannya. Selain itu, melalui proses ungkapan perkataan oleh peserta kajian juga hasil stimulus dan tindak balas dianalisis bagi menjelaskan tentang tingkah laku responden cacat pendengaran dalam proses penghasilan bahasa.

## Dapatan Kajian

Hasil analisis data dalam dapatan kajian ini memberikan fokus bagi menjawab objektif kajian ini tentang cacat pendengaran dari aspek linguistik klinikal. Latar belakang responden menjadi sandaran dalam penyediaan bahan kajian. Masalah cacat pendengaran yang dialami oleh responden adalah pekak yang boleh mendengar dengan berbantuan implan koklea. Menurut Williams (2015) golongan pekak terbahagi kepada dua. Terdapat individu pekak (tahap keupayaan pendengaran yang rendah dan boleh menggunakan implan koklea untuk mendengar) dan ekak teruk yang tahap keupayaan pendengaran teruk iaitu tidak dapat mendengar walaupun menggunakan implan koklea (Williams, 2015).

*Melihat sebutan perkataan dalam bahasa pertama (bahasa Melayu) individu cacat pendengaran*

Bagi mendapatkan hasil sebutan perkataan, kaedah temu bual digunakan oleh penyelidik yang bertujuan mendapatkan data kajian. Data utama diperoleh melalui visual makanan dan minuman yang menjadi sajian di kedai makanan. Item yang digunakan adalah jenis masakan dan minuman yang dikenali dan pernah dikendalikan sebagai pembantu kedai oleh responden kajian.

**Jadual 1.** Dapatan Sebutan Lima Jenis Masakan Kedai.

Bil.	Visual Makanan	Sebutan Responden
1.	Mi goreng	miii...gholeng. (Memberikan penekanan di belakang suku kata sambil menunjukkan aksi menggoreng)
2.	Bihun goreng	Phihunnn...gholeng. (Memberikan penekanan di belakang

		suku kata sambil menunjukkan aksi menggoreng)
3.	Nasi goreng ayam	Natik gholeng aiyamm. (Memberikan penekanan di belakang suku kata sambil menunjukkan aksi menggoreng)
4.	Mi sup	Miii...tup. (Memberikan penekanan di belakang suku kata)
5.	Tom yam udang	To...yam uddang. (Memberikan penekanan di belakang suku kata)

Dapatan kajian dalam jadual 1 menunjukkan hasil sebutan yang dicatatkan oleh penyelidik selepas menunjukkan visual bergambar kepada responden kajian. Visual bergambar dipilih melalui laman sesawang di internet. Kriteria pemilihan visual adalah gambar yang jelas, mempunyai warna dan menarik. Visual *mi goreng* yang menjadi antara masakan di gerai makan merupakan masakan yang biasa dilihat serta boleh dimasak oleh responden kajian. Bagi visual *mi goreng* memperlihatkan bahawa responden mengenali masakan tersebut dengan jelas dan boleh menjawabnya dengan betul. Bagi visual kedua adalah gambar *bihun goreng* yang dikenali dengan jelas oleh responden. Maka, untuk visual *bihun goreng* jawapan yang diberikan oleh responden adalah betul. Kemudian, visual ketiga adalah gambar *nasi goreng ayam* yang menjadi salah satu menu kedai makanan di Malaysia. Di mana menu *nasi goreng ayam* disajikan sebagai masakan panas di negara ini. Oleh itu, responden juga mengenali dengan jelas gambar *nasi goreng ayam* dan dapat menjawab dengan betul. Seterusnya, visual keempat adalah gambar *mi sup* yang menjadi menu di kedai masakan panas yang pernah dikendalikan oleh responden sebagai pembantu kedai. Oleh itu, responden tidak ada masalah dalam mengenali dengan jelas menu *mi sup* dalam gambar. Selanjutnya, visual kelima adalah *tom yam udang* yang menjadi menu di Malaysia walaupun merupakan menu yang dibawa daripada negara Thailand. Dalam visual kelima ini, responden mengenali dan dapat menjawab dengan betul menu *tom yam udang* yang ditunjukkan oleh penyelidik. Jadual 1 memfokuskan kepada hasil dapatan dalam visual makanan atau masakan gerai di Malaysia sahaja.

**Jadual 2.** Dapatkan Sebutan Lima Jenis Minuman Kedai.

Bil.	Visual Minuman	Sebutan Responden
1.	Teh ais	Teee...haih. (Memberikan penekanan pada belakang suku kata)
2.	Milo ais	Belo haih. (Memberikan penekanan pada belakang suku kata)
3.	Kopi ais	Ghopi haih. (Memberikan penekanan pada belakang suku kata)
4.	Jus oren	Ayaq olen. (Memberikan penekanan pada belakang suku kata)
5.	Air kosong	Ayaq khotong. (Memberikan penekanan pada belakang suku kata)

Jadual 2 pula memberikan fokus kepada jenis minuman yang pernah dikendalikan oleh responden semasa dia bekerja sebelum ini. Visual pertama adalah minuman *teh ais* yang dikenali dengan jelas oleh responden. Malah, tugasnya sebagai pembuat air dijalankan dengan baik dan begitu mahir melalui komen daripada bekas majikan responden. Kedua adalah visual *milo ais* yang dijawab dengan betul. Begitu juga, visual ketiga tentang gambar *kopi ais* yang dapat dijawab dengan betul. Untuk visual keempat adalah *jus oren* yang dijawab dengan betul. Akhir sekali adalah visual *air kosong* yang dapat dijawab dengan betul dan dikenali dengan jelas oleh responden. Oleh itu, dapat menunjukkan bahawa responden mengenali dengan jelas tentang jenis minuman yang disajikan di gerai makanan di Malaysia.

#### *Membincangkan sebutan perkataan yang terhasil dengan linguistik klinikal*

Dapatkan kajian bertujuan membincangkan aspek linguistik klinikal yang terlibat dalam sebutan yang diujarkan oleh responden melibatkan masakan dan minuman gerai di Malaysia. Bagi sebutan makanan seperti ‘mi goreng’ disebut *mii...gholeng* yang ditekankan pada bahagian belakang suku kata dan berlaku kesalahan suku kata awal dengan penambahan *h* kerana responden tidak dapat mendengar dengan jelas suku kata depan perkataan. Sebutan ‘bihun goreng’ berubah menjadi *phihunnn...gholeng* yang berlakunya penambahan pada suku kata *phi* dan *gho* serta penekanan pada belakang suku kata. Bagi ‘nasi

*goreng ayam’ pula menjadi *natik gholeng aiyammm* yang menunjukkan berlakunya pertambahan huruf pada suku kata belakang *tik* dan di depan untuk *gho* yang juga masih membuat penekanan pada suku kata belakang. Untuk perkataan ‘mi sup’ pula menjadi *mii...tup* yang menunjukkan pertukaran huruf pada *s* yang menjadi *t* serta masih berlaku penekanan yang lebih kuat serta panjang pada hujung suku kata perkataan. Perkataan ‘tom yam udang’ disebut *to...yam uddang* yang berlaku pengguguran huruf *m* dan penekanan pada tengah suku kata ‘udang’. Ia berlaku kerana pendengaran pada awal suku kata yang tidak jelas didengar dan membuatkan responden hanya menekankan pada belakang suku kata sesuatu perkataan.*

Kenudian, bagi sebutan minuman pertama adalah ‘teh ais’ yang menjadi *tee...haih* yang merubah suku kata *the* menjadi *tee* dan *ais* menjadi *haih* serta berlakunya penekanan pada belakang suku kata yang dikuatkan. Kedua adalah perkataan ‘milo ais’ yang disebut *belo haih* yang menggugurkan huruf *m* dan menggantikan dengan *b* akibat pendengaran huruf depan yang tidak jelas. Perkataan minuman ketiga adalah ‘kopi ais’ yang merubah ‘kopi’ menjadi *ghopi haih* dalam sebutannya. Selepas itu, perkataan keempat adalah ‘jus oren’ yang hanya disebut sebagai *ayaq olen*. Bagi dapatan ini menunjukkan responden menyebut dalam dialek utara sebagai *ayaq* yang menjadi pertuturan disebut setiap hari yang merujuk kepada air. Untuk perkataan ‘oren’ pula berlaku perubahan sebutan *olen* kerana tidak mendengar dengan jelas penggunaan huruf *r* dalam perkataan dan merubah huruf *l* daripada *r*. Bagi perkataan ‘air kosong’ pula menjadi *ayaq khotong* yang menunjukkan pengaruh penggunaan dialek utara bagi *ayaq* yang bererti ‘air’. Malah, perkataan ‘kosong’ disebut sebagai *khotong* dengan berlakunya perubahan pada suku kata depan perkataan ‘kosong’. Aspek sebutan responden menunjukkan berlakunya penekanan di belakang suku kata perkataan yang disebutnya tetapi sering berlaku perubahan di depan suku kata kerana masalah pendengaran yang dialami responden.

#### *Mengaplikasikan teori behaviorisme oleh John Broadus Watson dengan dapatan kajian*

Teori behaviorisme yang dipelopori oleh John Broadus Watson menjelaskan bahawa dalam tingkah laku manusia hanya terdapat stimulus dan respon dalam psikologi mereka. Dalam teori behaviorisme sesuatu perkara tidak wujud bersandarkan kepada

firasat atau naluri manusia (Novi, 2016). Di mana responden kajian menunjukkan terdapatnya stimulus atau rangsangan dalam pembelajaran bahasa tentang nama makanan serta minuman semasa bekerja sebagai pembantu kedai. Oleh yang demikian, stimulus yang membawa kepada respon atau tindak balas manusia yang menyebabkan responden kajian dapat mengenali dengan jelas serta mengungkapkan jenis makanan dan minuman dengan betul. Maka, stimulus yang diperoleh mendorong tindak balas responden untuk benar mengenali setiap jenis makanan dan minuman yang pelbagai walaupun mengalami masalah cacat pendengaran. Hal ini demikian kerana, responden masih dapat mendengar walaupun tidak sempurna melalui bantuan implan koklea. Oleh itu, situasi yang dialami oleh responden dipengaruhi oleh stimulus yang diterimanya dalam pemerolehan bahasa semasa bekerja dan kehidupan harian. Melalui stimulus yang diterima oleh responden telah memberikan kesan kepada respon melalui ujaran perkataan dalam sebutan makanan dan minuman.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, dalam masalah Orang Kelainan Upaya (OKU) masalah cacat pendengaran yang mendapat bantuan implan koklea masih mempunyai peluang untuk mendapat bahasa secara lisan. Malah, responden OKU yang tidak bisu dan dapat mengungkapkan perkataan secara lisan dalam komunikasi hariannya. Namun begitu, masalah pendengaran yang tidak jelas telah menyebabkan sesuatu perkataan tidak didengari dengan jelas dan memberikan kesan kepada ujarannya. Perkataan yang diujarkan sering mengalami perubahan suku kata awalan, penekanan pada suku kata akhir, perubahan huruf dan pengaruh dialek utara. Maka, bagi membantu OKU masalah cacat pendengaran yang berbantu implan koklea maka penutur yang berkomunikasi dengan mereka perlu menekankan sesuatu perkataan pada keseluruhan perkataan yang melibatkan semua suku kata. Inisiatif ini dapat membantu OKU masalah pendengaran dapat mendengar dengan betul dan memberikan ujaran perkataan dengan betul dan jelas. Hasil pemerolehan bahasa memberikan kesan kepada komunikasi melalui sesuatu sebutan oleh seseorang individu. Oleh itu, individu yang mengalami masalah pendengaran cenderung mengujarkan perkataan yang tidak tepat apabila mendengar sesuatu yang kurang tepat atau tidak jelas.

## Rujukan

- Abdullah bin Yusoff & Che Rabiaah Mohamed. (2014). Masalah Pembelajaran: Tanda dan Simptom Kecacatan Komunikasi Lisan Murid Pendidikan Khas. *Jurnal Bahasa*, 14(2), 301-324.
- Abdul Munir Ismail. (2012, November). *Mengenali Kaedah Orang Pekak Berkomunikasi*. Proceedings of International Conference on Public Policy and Social Science, UiTM Melaka Malaysia, 290-297.
- Caroline, J., Caitlin, M., Minerva, R. & Nora, G. (2021). Direct Participation of People with Communication Disabilities in Research on Poverty and Disabilities in Low and Middle Income Countries: A Critical Review. *PLOS ONE*, 1-24.
- Cheoh Siew Tin. (2014). *Kecacatan Pendengaran*. Portal MyHEALTH Kementerian Kesihatan Malaysia. <http://www.myhealth.gov.my/kecacatan-pendengaran/>.
- Isla, J., Julie, M., Rebecca, L. & Jennifer, R. (2013). Involving People with Communication Disability in Research in Uganda: A Response to The World Report on Disability. Informa Healthcare. *International Journal of Speech-Language Pathology*, 15(1), 75–78.
- Izuli Dzulkifli, Asmawati Suhid, Fathiyah Mohd Fakhruddin & Nor Aniza Ahmad. (2020). Cabaran Komunikasi dalam Pengajaran Pendidikan Islam kepada Murid Kurang Upaya Pendengaran. *International Journal of Islamic Thought*, 18, 13-26.
- Joseph, B., Cecilia, O. Alm, Xumin, L., Ruben, A. Proa & Qi, Y. (2016, June 16). *Towards Early Dementia Detection: Fusing Linguistic and Non-Linguistic Clinical Data*. Proceedings of the 3rd Workshop on Computational Linguistics and Clinical Psychology: From Linguistic Signal to Clinical Reality, San Diego, California, 12-22.
- Lailiy Muthmainnah. (2017). Problem dalam Asumsi Psikologi Behavioris (Sebuah Telaah Filsafat Ilmu). *Jurnal Filsafat*, 27(2), 168-192.
- Lucy, B., Alison, F. & Elizabeth, S. (2016). Linguistic Analysis of Discourse in Aphasia: A Review of The Literature. *Clinical Linguistic Phonetic*, 30(7), 489-518.

Muhammad Sayuti Sabdan, Norlidah Alias, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusof & Nazean Jomhari. (2018). Kaedah Andargogi Pendidikan Al-Quran Bagi Golongan Pekak Dewasa. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, Special Issue (2018), 405-418.

Nik Hassan Seman, Mustafa Che Omar, Abdullah Yusoff & Mohd Yusof Abdullah. (2016). Analisis Permasalahan Pelajar Cacat Pendengaran dalam Pembelajaran Mata Pelajaran Pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal Ilmi*, Jilid 6, 105-124.

Siti Maghfirah & Maemonah. (2019). Pemikiran Behaviorisme dalam Pendidikan. *Study Pendidikan Anak Usia Dini*, Vol. VI(2), 89-110.

Sunny X. Tang, Reno Kriz, Sunghye Cho, Suh Jung Park, Jenna Harowitz, Raquel E. Gur, Mahendra T. Bhati, Daniel H. Wolf, João Sedoc and Mark Y. Liberman. (2021). Natural Language Processing Methods are Sensitive to Subclinical Linguistic Differences in Schizophrenia Spectrum Disorders. *Published in partnership with the Schizophrenia International Research Society*. npj Schizophrenia (2021) 25, 1-8.

Syar Meeze Mohd Rashid,Norlidah Alias & Zawawi Ismail. (2017). Isu dan Cabaran dalam Penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) untuk Pengajaran Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA). *J-QSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 1(1), 1-14.

Williams, C., (2015). Writing in Young Deaf Children. *Review of Educational Research*, 85(4), 630-666.